

Harga beras dijanjika turun Ogos

Musim menuai di tiga negara pengeluar utama sebabkan lebihan komoditi di pasaran

SENARAI HARGA BARANG KEPERLUAN UTAMA

KUALA LUMPUR: Harga runcit beras dijangka turun menjelang Ogos ini berikutan kejatuhan harga komoditi itu di pasaran antarabangsa kesan peningkatan bekalan menjelang tibaanya musim menuai di negara pengeluar utama khususnya Vietnam, Thailand dan India.

Peningkatan bekalan komoditi itu dijangka mendorong penurunan berterusan harga beras di pasaran dunia yang susut daripada kira-kira AS\$920 setan bulan lalu kepada AS\$720 setan ketika ini, sehingga ke bawah paras AS\$600 setan.

Pengarah Urusan Padiberas Nasional Bhd (Bernas), Bakry Hamzah, berkata penurunan harga beras di pasaran global sehingga ke bawah paras AS\$600 setan dijangka mampu menyelesaikan masalah kenaikan harga dan kekurangan bekalan yang kini dialami.

“Baru-baru ini kerajaan menetapkan beras Super Tempatan 15 peratus (ST 15) dijual pada harga kawalan RM1.80 sekilogram, manakala harga siling bagi gred Super Spesial Tempatan lima peratus (SST 5) dan Super Spesial Tempatan 10 peratus (SST 10) masing-masing pada RM2.80 dan RM2.70.

“Oleh kerana harga beras import umumnya lebih tinggi berbanding beras tempatan, penetapan harga yang diumumkan kerajaan itu boleh menjadi penanda aras bagi beras import gred sama,” katanya selepas mesyuarat agung tahunan Bernas, di sini, semalam.

Berikutan penurunan harga yang didorong lebih bekalan di pasaran global itu, harga runcit pelbagai gred beras import di negara ini turut dijangka turun di antara 20 sen hingga 30 sen sekilogram.

Bakry berkata, penurunan harga beras di pasaran global berlaku kerana syarikat di negara pengeluar utama seperti Vietnam dan Thailand mula mengosongkan gudang dan kilang masing-masing untuk membuka ruang kepada kemasukan hasil tuaian baru bermula seawal Julai ini.

Sehubungan itu katanya, import beras pada harga semasa adalah ti-

BARANG (kg)	JOHOR BAHRU		SEREMBAN		IPOH		GEORGETOWN		KUANTAN		K TERENGGANU		KOTA BHARU		
	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	
1. Ayam proses	RM6	RM6	RM7	RM7	RM7	RM6.50	RM6.50	RM6.50	RM6.50	RM6.50	RM6.50	RM6.50	RM6.50	RM5.70	RM5.70
2. Ikan kembung	RM7.50	RM8	RM7-RM 8.50	RM7-RM 8.50	RM10	RM10	RM7.50	RM7	RM10	RM10	RM10	RM10	RM10	RM5	RM5
3. Ikan cencaru	RM7	RM7	RM5	RM5	RM10	RM10	RM5	RM5	RM6	RM6	RM7	RM7	RM6	RM6	RM6
4. Ikan bawal putih	RM38	RM38	RM20	RM20	RM30	RM30	RM40	RM40	RM25	RM25	tiada	tiada	-	-	-
5. Udang sederhana	RM15	RM14	RM12	RM12	RM14	RM14	RM13	RM13	RM12	RM12	RM16	RM16	RM13	RM13	RM13
6. Cili merah	RM9	RM10	RM8-RM10	RM10	RM11	RM10	RM8	RM10	RM8	RM8	RM7	RM7	RM7	RM7	RM7
7. Sawi	RM2.50	RM2.50 - RM4	RM2.50 - RM4	RM4	RM4	RM4	RM4.80	RM3	RM3	RM3.50	RM3	RM3	RM2.50	RM2.50	RM2.50
8. Bayam	RM2.50	RM2.50	RM2.50	RM2.50	RM2.60	RM2.60	RM3	RM3	RM2.50	RM3	RM5	RM5	RM2.50	RM2.50	RM2.50
9. Kubis	RM2.50	RM3	RM3	RM3	RM2.50	RM2.50	RM3.50	RM3	RM2.50	RM2.50	RM3	RM3	RM3	RM3	RM3
10. Tomato	RM5	RM5	RM5	RM5 - RM6	RM3.50	RM3.50	RM8	RM3.50	RM5.50	RM5	RM5	RM5	RM5	RM4	RM4
11. Kacang buncis	RM4.50 - RM6.50	RM6	RM4.50 - RM6.50	RM4.50 - RM6.50	RM5.50	RM5.50	RM6	RM6	RM6	RM6	RM5	RM5	RM5	RM4.50	RM4.50
12. Kacang panjang	RM4.50	RM4.50	RM3	RM3	RM3.50	RM3.50	RM4	RM4	RM3	RM3	RM3.50	RM3.50	RM3.50	RM3.50	RM3.50
13. Bawang merah	RM7.50	RM7	RM6	RM6	RM5	RM5	RM5	RM4	RM2	RM2	RM2.50	RM2.50	RM1.50	RM1.50	RM1.50
14. Bawang besar	RM2	RM2	RM2.40	RM2.40	RM2	RM2	RM1.30	RM1.30	RM1.20	RM1.20	RM2	RM2	RM2	RM2	RM2
15. Ubi kentang	RM1.80	RM2	RM3.60	RM3.60	RM3	RM3	RM2	RM2	RM2.20	RM2.20	RM3	RM3	RM2	RM2	RM2
16. Santan	RM4.50	RM4.50	RM4.50	RM4.50	RM4	RM4	RM5	RM5	RM4	RM4	RM6	RM6	RM5	RM5	RM5
17. Daging tempatan	RM18	RM18	RM17	RM17	RM17	RM17	RM19	RM19	RM17	RM16	RM17	RM17	RM11	RM11	RM11
18. Daging import	RM11	RM11	RM11	RM11	RM12	RM12	tiada	tiada	RM11	RM11	RM11	RM11	RM15	RM15	RM15

BARANG (kg)	KUCHING		KOTA KINABALU		MELAKA		ALOR STAR		KANGAR		SHAH ALAM		KUALA LUMPUR		PUTRAJAYA	
	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam
1. Ayam proses	RM8	RM7	RM8	RM7	RM6	RM6	RM6	RM6	RM7.50	RM7.50	RM5.50	RM6.50	RM6	RM6	RM7	RM6.50
2. Ikan kembung	RM7	RM7	RM8.50	RM8.50	RM8	RM8	RM6.80	RM6.80	RM7.50	RM7.50	RM12	RM10	RM7	RM7	RM10	RM12
3. Ikan cencaru	RM5	RM5	RM7.50	RM7.50	RM7	RM6	RM6.50	RM7	RM6	RM5.50	RM9	RM7	RM7	RM7	RM7.50	RM8.50
4. Ikan bawal putih	RM45	RM45	RM25	RM25	RM25	RM25	RM32	RM32	RM30	RM30	RM15	RM17	RM25	RM25	RM16	RM17
5. Udang sederhana	RM14	RM14	RM19.50	RM19.50	RM16	RM16	RM18	RM17	RM14	RM14	RM14	RM15	RM14	RM14	RM16	RM17
6. Cili merah	RM10	RM10	RM6	RM5.50	RM6	RM6	RM10.50	RM10.50	RM8	RM8	RM7.70	RM7.70	RM7	RM8	RM10	RM7
7. Sawi	RM3.50	RM3.50	RM3	RM3	RM4	RM4	RM3.80	RM3.80	RM3.50	RM3.50	RM3.10	RM3	RM3	RM3	RM3	RM2.50
8. Bayam	RM3.50	RM3.50	RM3	RM3.50	RM3	RM2.50	RM3.20	RM3	RM3.50	RM3.50	RM2.55	RM2.60	RM3	RM3	RM3	RM2
9. Kubis	RM3	RM3	RM3	RM3	RM3	RM2.50	RM3.20	RM3.20	RM3.50	RM3.50	RM2.20	RM2.20	RM2.50	RM2.50	RM3	RM2.50
10. Tomato	RM6	RM6	RM6	RM6	RM4	RM4	RM5.50	RM5.50	RM4	RM4	RM3.90	RM3.80	RM4.50	RM4.50	RM5	RM5
11. Kacang buncis	RM6	RM6	RM4	RM4	RM6	RM6	RM6	RM6	RM5	RM5	RM3.50	RM3.50	RM6	RM6	RM7	RM7
12. Kacang panjang	RM4	RM4	RM3	RM3	RM4	RM4	RM3.40	RM3.40	RM3.50	RM3.50	RM3	RM3	RM3.50	RM3.50	RM4	RM4
13. Bawang merah	RM4.40	RM4.40	RM7	RM7	RM4.80	RM4.80	RM4.50	RM4.50	RM3.50	RM3.50	RM9	RM9	RM4.50	RM4.50	RM6	RM5
14. Bawang besar	RM2.60	RM2.60	RM5	RM5	RM1.80	RM1.80	RM2.20	RM2.20	RM2	RM2	RM2.50	RM2.50	RM1.50	RM1.50	RM2.40	RM1.20
15. Ubi kentang	RM2.60	RM2.60	RM6	RM6	RM2.60	RM2.60	RM2.50	RM2.50	RM2	RM2	RM2.40	RM2.40	RM2.50	RM2.50	RM2	RM2.50
16. Santan	RM2	RM2	RM3	RM3	RM5	RM5	RM5	RM5	RM5	RM5	RM3.80	RM3.80	RM4.20	RM4.20	RM4	RM3.50
17. Daging tempatan	RM22	RM22	RM11.50	RM11.50	RM18	RM18	RM18	RM18	RM18	RM18	RM20	RM20	RM20	RM20	RM12	RM12
18. Daging import	RM18	RM18	RM11	RM11.20	RM11.80	RM11.80	RM11	RM11	RM11	RM11	RM9.20	RM9.20	RM12	RM11.50	RM18	RM18

Sumber: Tinjauan Berita Harian

dak wajar kerana harganya dijangka terus susut dalam tempoh beberapa bulan akan datang, menjelang musim menuai, dengan pengeluaran yang dianggar meningkat sehingga 18 peratus.

Bagaimanapun katanya, walaupun kegiatan spekulasi mendorong peningkatan harga sehingga menyebabkan sebilangan pekilang di Vietnam dan Thailand menyimpan padi dan beras, hakikatnya mereka terpaksa

juga mengosongkan gudang apabila bekalan bertambah pada musim menuai ini.

“Apabila tiba musim menuai pada Ogos dan September ini, India juga mungkin terpaksa melupuskan sekatan eksportnya. Jika tidak, mereka tidak mempunyai ruang untuk menyimpan pertambahan bekalan sebanyak dua juta tan lagi,” tambahnya.

Pengerusi Bernas, Datuk Syed Abdul Jabbar Syed Hassan, berkata per-

tambahan bekalan itu akan menyebabkan harga beras global susut dan pihaknya juga sudah memberi pandangan kepada kerajaan supaya lebih berhati-hati membeli beras pada harga semasa.

“Kami sedang memantau rapat pasaran beras global dan sentiasa memberi maklum balas kepada kerajaan. Kami berpendapat, sebarang pembelian oleh kerajaan akan menyebabkan harga beras di pasaran global mening-

kat melebihi harga yang sepatutnya.

“Adalah tidak wajar untuk membeli dalam jumlah yang besar sekarang kerana harganya dijangka akan susut pada Julai dan Ogos,” katanya.

Bernas yang menguasai 45 peratus pasaran beras tempatan itu, mengimport 30 peratus bekalannya dari luar negara termasuk Vietnam, Thailand dan India sebelum negara itu mengenakan sekatan eksport pada awal tahun ini.